

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



LEGASI JUANG

Jojo
Ghazali

Jojo Ghazali



DALAM pertarungan bermandi darah dan keringat, hanya pemilik semangat pejuang yang mampu bertahan. Johan 'Jojo' Ghazali; bukan sekadar nama biasa dalam arena Muay Thai - Dialah kini simbol keberanian, ketahanan dan keazaman yang luar biasa!

Pada usia yang masih muda, Jojo sudah menggegarkan pentas dunia dengan aksi penuh agresif, mencatat kemenangan demi kemenangan, dan menumbangkan lawan dari pelbagai negara.

"Jangan mengaku kalah. Jatuh sekali, bangun sepuluh kali!" luncur kata Jojo yang berpegang teguh pada nasihat bapanya, Sac Zulfikar Ghazali.

Dari kejohanan dunia IFMA hingga pentas ONE Championship, Jojo terus membuktikan semangat juang tidak mengenal batas. Kemenangan bukanlah sekadar satu pencapaian baginya, tetapi sebuah perjuangan yang membawa nama Malaysia ke puncak dunia Muay Thai.

Bagaimana seorang remaja yang dahulunya hanya seorang anak biasa kini menjadi bintang yang digeruni dalam arena Muay Thai? Inilah kisah keberanian, ketahanan mental, dan perjuangan tanpa noktah Johan 'Jojo' Ghazali.

Biarpun berdepan lawan yang lebih berpengalaman atau mengalami kecederaan, Jojo tetap berpegang pada falsafah ini.

Kejayaan yang diraih bukan datang dengan mudah, tetapi hasil daripada latihan yang keras, disiplin tanpa kompromi, dan mentaliti yang tidak pernah mengalah.

"Setiap kali sebelum saya masuk gelanggang, ayah pasti akan memberikan kata-kata semangat. Walaupun sering diulang, ia tetap membakar semangat saya untuk bertarung habis-habisan," ujarnya.

Sebagai seorang atlet Muay Thai profesional, Jojo memahami bahawa persiapan sebelum perlawanannya bukan hanya bergantung pada latihan fizikal, tetapi juga keseimbangan mental dan spiritual.



Tiada ritual istimewa

Berbeza dengan kebanyakan atlet tempur yang mempunyai ritual khas sebelum memasuki gelanggang, Jojo lebih menumpukan kepada kekuatan spiritual.

Sebagai seorang Muslim, kepercayaan kepada Allah dan doa adalah senjata utamanya.

"Saya tidak ada amalan istimewa dalam bab ritual. Tetapi sebelum masuk gelanggang, saya mendengar ayat-ayat suci Al-Quran, menunaikan solat tahajud, solat hajat, dan melakukan ibadah lain seperti umat Islam yang lain."

"Ketika perlawaan semakin hampir, saya tidak boleh melakukan banyak perkara. Jadi, saya hanya bertawakal kepada Allah," jelasnya.

Kesihatan mental

Sukan Muay Thai bukan seperti sukan biasa. Ia adalah sukan yang menguji mental, fizikal, dan jiwa seorang pejuang. Risiko kecederaan sentiasa ada—dari luka di kepala hingga patah tulang—tetapi itu tidak pernah melemahkan semangatnya.

"Perkara yang saya selalu lakukan untuk mengekalkan kesihatan mental saya adalah terus berjuang dan jangan sesekali berputus asa."

"Walaupun saya mengalami kecederaan yang teruk seperti luka di bahagian kepala atau kaki patah, saya tetap akan meneruskan perjuangan ini."

"Selagi boleh berlawan, saya akan tetap berlawan. Bagi saya, kalah atau menang itu adalah adat permainan," katanya.

Baginya, pertarungan bukan tentang menang atau kalah, tetapi bagaimana dia menghadapi cabaran dengan hati seorang pejuang. Setiap luka adalah peringatan bahawa dia sedang berada di jalan yang betul; jalan seorang legenda Muay Thai. - AINU SYAHIRAH



Jejak Kemenangan Jojo Ghazali

Berikut adalah antara pencapaian cemerlang Jojo Ghazali dalam dunia Muay Thai sejak mula berkecimpung pada usia 16 tahun:

Juara Kejohanan Muay Thai Remaja Dunia IFMA 2022

Pada usia 15 tahun, Jojo menggegarkan arena Muay Thai apabila menewaskan peserta dari Rusia, Rustam Yunusov, sekaligus dinobatkan sebagai juara kejohanan berprestij ini.

Menewaskan Juara Muay Thai Antarabangsa WBC


Pada Disember 2024, Jojo berjaya menumpaskan juara Muay Thai Antarabangsa WBC dari Mexico, Edgar Tabares, dalam penampilan sulungnya di aksi Primetime US, ONE Championship:

Rekod Cemerlang 5-0 dengan 4 Knockout (KO) pada tahun 2023

Dengan prestasi luar biasa ini, Jojo telah diiktiraf sebagai Bintang Muda Paling Menyerlah 2023 oleh ONE Championship.

Rekod Perlawanan Profesional

Sepanjang tujuh perlawanan profesional yang telah disertainya, Jojo mencatat enam kemenangan dan mengalami satu kekalahan ketika berdepan Nguyen Tran Duy Nhat, juara lima kali WMF Muay Thai dari Vietnam dalam ONE 167 di Impact Arena, Bangkok, Thailand.



Walau Bukan Suspek Op Sky, Nama Sheikh Muszaphar, Ziana & Jalaludin Tetap Panas!



Minggu ini nama tiga selebriti tersohor negara iaitu Datuk Jalaluddin Hassan, Siti Roziana Zain yang lebih dikenali Ziana Zin dan Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie Sheikh Mustaph menjadi bualan hangat dan 'panas'.

Hal ini lantaran mereka dikaitkan dengan kes rasuah dan pengubahan wang haram menerusi Op Sky membabitkan syarikat perunding kewangan.

Meski Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan mereka tidak dianggap sebagai suspek sebaliknya keterangan masing-masing diperlukan bagi melengkapkan kertas siasatan namun kes ini secara tidak langsung sedikit sebanyak telah mencemarkan reputasi mereka.

Malah media massa dan citizen media begitu begitu berminat dengan pemberitaan ini.

Saat Ziana, Jalaluddin dan Sheikh Muszaphar hadir ke pejabat SPRM pada Khamis lalu, semua media massa berkumpul dengan satu tujuan sama iaitu mengikuti perkembangan dan mahu tahu apa hasil siasatan atau kerjasama mereka dengan SPRM.

Bagi yang tidak mengetahui tetapi hanya mendengar dari mulut-ke mulut atau dari platform media sosial yang cepat berbagi informasi meski kurang sahih, di sinilah datangnya masalah reputasi ketiga-tiga selebriti terkenal ini tercalar.

Akan ada banyak 'simpang siur' dan asumsi yang dilontarkan kepada mereka dan yang paling mudah adalah — 'Ziana, Sheikh Muszaphar dan Jalaluddin memang terlibat dengan kes rasuah dan pengubahan wang haram.'

Dan ironi bukan hanya Ziana, Jalaluddin mahupun Sheikh Muszaphar yang tidak melakukan jenayah, mereka juga sama sekali tidak mahu dikaitkan dengan hal-hal sedemikian.

Bukan juga kerana mereka tidak cerdik tetapi pada akhirnya telah dimanipulasi tentang produk yang memberi manfaat kepada masyarakat — kerana itu pada pemikiran mereka atau golongan selebriti lain yang pernah terlibat isu sama secara tidak sengaja bersetuju untuk menjalin kerjasama.

Terdahulu dilaporkan, siasatan mendapati selebriti dan artis terbabit menerima wang bayaran hingga RM400,000 untuk tempoh satu hingga dua tahun sebagai duta syarikat itu bagi tujuan promosi. - MALIAH SURIP



Siapa Bakal Juara GV11?

Sebagai penonton tak terasa lama pertandingan program realiti televisyen paling legenda, Gegar Vaganza bersiaran. Sedar tak sedar hujung minggu ini enam peserta akan bertarung sehabis baik di pentas akhir - finale.

Enam peserta final musim ini tidak kalah hebat dan tidak kalah mengujakan dengan prestasi masing-masing. Sejak awal memang dua nama besar dalam industri dunia hiburan yang ikut serta dalam GV musim ini iaitu, Liza Aziz dan Ning Baizura sudah dijangka lolos mudah ke pentas akhir. Sementara Dadali Dyrga dan The Lima adalah pesaing yang tidak boleh dipandang enteng.

Dan menariknya tentang pentas akhir GV musim ini adalah keempat-empat peserta final mempunyai daya tarik berbeza. Karisma dan piawaian mengukur kredibiliti mereka juga berbeza.

Liza Aziz misalnya adalah nama penyanyi senior yang cukup disegani kerana diketahui memiliki segudang pengalaman serta pengiktirafan dan cukup terkenal sebagai penghibur serba boleh yang menjadi pilihan dalam banyak majlis persendirian mahupun korporat.

Ning Baizura pula mencetak cop mohor sebagai penyanyi yang dikenali menerusi teknik soprano dan memiliki tembang hit seperti Awan Yang Terpilu telah lama mencuri hati peminat dengan pesonanya.

Dadali Dyrga mungkin asing bagi yang tidak mengenalinya tetapi di Indonesia penyanyi lelaki ini sudah ada rekod ‘manis’ sehingga menyebabkan produksi GV melamarnya menyertai edisi tahun ini.

Manakala memperkenalkan The Lima bukan satu kewajipan kerana memang sudah memiliki peminat dan pengikut tersendiri.

Dilema utama yang perlu dilihat adalah bagaimana juri tetap iaitu Datuk Ramlie MS, Hetty Koes Endang dan Datuk Syafinaz mempunyai pertimbangan di luar konteks komersial hiburan sekaligus membantu mereka meski tidak menjadi juara meneruskan kerja menghibur sebagai karier.


Kerana seperti diketahui umum, keempat-empat peserta ini sudah sangat jaguh menyanyi dan menghiburkan tetapi apakah mereka mampu mempertahankan pekerjaan ini sehingga pada satu saat ia tidak lagi menjadi sumber pendapatan mereka.

Dan buat GV, apakah lagi elemen yang mahu ditonjolkan pada pentas akhir selain membawa nama gah seperti Krisdayanti ikut serta untuk meraih rating atau tontonan.

Adakah GV akan menamatkan edisinya dengan kemenangan juara pada malam ini lalu berehat untuk satu tempoh yang panjang sebelum ‘diseru’ kembali kerana penonton rindu menonton bintang kesayangan mereka beraksi di pentas diselang seli gurau senda berbentu kekeluargaan sebagai hiburan malam minggu yang mengisi masa senggang bersama seisi keluarga.

Apapun kita tunggu semuanya pada malam final 9 Februari 2025 ini. Ucapan tahniah didahului buat calon juara dan produksi kerana berjaya menamatkan sebuah lagi edisi yang konsisten diminati dengan rating tinggi saban minggu sebagai bukti. - MALIAH SURIP

GEMPAK SINEMA



Pengarah: Fazli Yasin

Pelakon: Kodi Rasheed, Amerul

Affendi, Cat Farish

Genre: Seram

Mengisahkan tentang perjalanan Ramli dan Malik ke sebuah kampung dipantai timur atas arahan majikan dalam proses ambil alih satu projek hidro elektrik.

Dalam perjalanan mereka telah menghadapi halangan daripada orang kampung kerana projek tersebut akan mengakibatkan orang² kampung kehilangan tanah mereka.

Dalam masa yang sama mereka juga telah diserang oleh makhluk misteri yang diperdayai harimau jadian. Malik dan Ramli terpaksa bergelut untuk terus hidup.

Pengarah: Pierre Andre

Pelakon: Amir Nafis, Jay

Iswazir, Bidin Al Zaifa, Syed Shah

Iqmal, Khatijah Tan

Genre: Seram

Kisah perjalanan dua sahabat yang bekerja sebagai pembersih mayat atau kawasan yang ditemui mayat. Pada suatu hari, mereka ditugaskan membersihkan sebuah rumah yang mana ada tiga mayat di dalamnya.

Kerja mereka adalah untuk membersihkan mayat yang sudah reput atau busuk. Apabila tiba di sana, mereka mendapati ada kegantilan yang berlaku sehingga penemuan sebuah buku pelik dan terjadi perkara tidak diingini.

Pengarah: Umay Shahab, Reka

Wijaya

Pelakon: Iqbaal Ramadhan, Umay

Shahab, Devano Danendra, Dul

Jaelani, Randy Danistha.

Genre: Drama

Perayaan Mati Rasa mengisahkan hubungan dua bersaudara, Ian Antonio dan Uta Antonio yang memiliki jalan hidup berbeda. Ian, sebagai anak sulung, selalu menghadapi tuntutan tinggi dari ayahnya, Satya Antonio, sementara Uta, yang sukses sebagai podcaster, mendapat perhatian lebih dari keluarga.

Ian bermimpi besar untuk sukses bersama band-nya, Midnight Serenade, tetapi tekanan dari keluarga membuatnya merasa tidak dihargai. Perbandingan dengan sang adik semakin memperumit hubungannya dengan orang tua. Hingga suatu hari, tragedi besar menimpak mereka—kedua orang tua mereka meninggal secara tiba-tiba.

GEMPAK MOST WANTED

Adzrin Adzhar, Rasyidinneedyou, King Yonnyz Di Kedudukan Terbaik Top 5 GMWA2024!

Guru vokal dan penyanyi Adzrin Adzhar berada di kedudukan pertama kategori Digital Creator Education & Motivation Tergempak 2024 Gempak Most Wanted Awards 2024 sehingga minggu ini.

Kedudukan selesa Adzrin dicabar rapat oleh Dr Say Shazril, diikuti Muhammad Noor, Fathi Hussein dan Tun Laila.

Sementara itu, dalam kategori Digital Creator Lifestyle Tergempak GMWA2024, Rasyidinneedyou berada di kedudukan pertama, diikuti Afie, Amin Abid, Fikri Zamri dan Nor Padilah.

Manakala King Yonnyz menduduki tempat teratas mengatasi Pok Ro, Thanuk Nukk, Kambing Golek dan Zulfikar Obot untuk kategori Digital Creator Esports Tergempak GMWA2024.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian fasa kedua atau pemenang utama bagi setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula 15 Januari 2025, jam 6 petang sehingga 23 Februari 2025, jam 12 tengah hari.

Mengekalkan format yang sama, pemenang setiap kategori akan diumumkan pada malam anugerah GMWA 2024 kelak.

GMWA 2024 bakal berlangsung secara LIVE pada 23 Februari 2025 dari Auditorium MBSA, Shah Alam, eksklusif di saluran Astro Ria (104), On Demand, Astro GO dan sooka.



Semak kedudukan terkini Top 5 GMWA 2024:

DIGITAL CREATOR (ESPORTS) TERGEMPAK 2024

- King Yonnyz
- Pok Ro
- Thanuk Nukk
- Kambing Golek
- Zulfikar Obot

DIGITAL CREATOR (LIFESTYLE) TERGEMPAK 2024

- Rasyidinneedyou
- Afie
- Amin Abid
- Fikri Zamri
- Nor Padilah

DIGITAL CREATOR (LAGU/AUDIO TERGEMPAK) TERGEMPAK 2024

- Cinta Tak Pernah Tepat Waktu - Aina Abdul ft Fabio Asher
- Sangkar Derita - Haqiem Rusli
- "Sabar, nape tak sabar ni?" - Pipija
- Angau - Fahimi Rahmat
- Alahai - Ezra Kairo

DIGITAL CREATOR (EDUCATION & MOTIVATION) TERGEMPAK 2024

- Adzrin Adzhar
- Dr Say Shazril
- Muhammad Noor
- Fathi Hussein
- Tun Laila

The screenshot shows the homepage of the Gempak Most Wanted Awards website. At the top, there's a navigation bar with icons for Home, Undian, and Log Out. The main banner features the text 'GEMPAK MOST WANTED AWARDS 2024' in large, bold letters against a dark background with colorful abstract shapes. Below the banner, there's a section titled 'Klik Undian Untuk Mengundi Top 5 Gempak Most Wanted Awards 2024!' with a link to 'http://www.gempakmostwantedawards.com'. Two call-to-action buttons are visible: 'LANJUAKAH! Log masuk ke akaun anda melalui akaun Astro/Google/Apple/Facebook.' and 'LANJUAKAH! Anda boleh mengundi 1 kategori setiap hari dengan 50 kredit undian'. At the bottom, there's a 'Log Masuk' button.

Perkukuh Hubungan Peminat, Astro Raikan #Vaganzers Dalam Malam Gala


Program hiburan Gegar Vaganza (GV) bukan sekadar sebuah rancangan realiti malah ia juga telah berkembang menjadi sebuah komuniti yang erat dan berpengaruh dengan sokongan #Vaganzers.

Sebagai sebuah tanda penghargaan kepada peminat setia GV, Astro telah menganjurkan sebuah majlis makan Malam Gala & Sesi Beramah Mesra bersama #Vaganzers.

Majlis ini bukan sahaja bertujuan menghargai peminat setia, tetapi juga sebagai langkah untuk memastikan legasi Gegar Vaganza terus berpanjangan di persada industri hiburan.

Antara bintang yang hadir menghiburkan peminat antaranya adalah Ning Baizura, Fairuz Selamat, Arorra Salwa, Naqiu, Illa Sabry dan Amelina.

Acara eksklusif ini telah berlangsung pada Jumaat, 31 Januari, jam 7 malam di Seri Pacific Hotel KL.



Jelajah Assalamualaikum Kembali Buat Tahun Kedua, Negeri Sembilan Jadi Destinasi Pertama

Sempena menyambut kedatangan bulan ramadan yang mulia, Astro sekali lagi berbesar hati menganjurkan program Jelajah Assalamualaikum untuk tahun kedua.

Program ini akan menjelajah ke tiga buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan untuk mengimarahkan lagi masjid sempena meraikan kedatangan bulan Ramadan.

Kempen ini pihak Astro mahu mengajak masyarakat untuk menghargai keunikan kita dalam meraikan tradisi, adat dan resam kita sepanjang Ramadan dan juga Raya.

Program Jelajah Assalamualaikum akan singgah ke destinasi pertamanya iaitu di Masjid Sri Sendayan, Negeri Sembilan pada 1 Februari 2025.

Ada pelbagai aktiviti menarik yang bakal diadakan antaranya ialah rakaman Tazkirah Malam Jumaat, sesi ramah mesra bersama Didi & Friends dan Omar & Hana, dan banyak lagi.

Energi, Emosi Konsert Nidji 2.3: The New Chapter



Nidji meraikan ulang tahun ke-23 dengan Konsert Nidji 2.3: The New Chapter di Axiata Arena, Bukit Jalil, pada 2 Februari, menghiburkan 10,000 peminat dengan 23 lagu penuh nostalgia dan semangat baharu.

Persembahan dibuka dengan Manifestasi Hati, diikuti lagu ikonik seperti Sumpah Dan Cinta Matiku, Teroesir dan Rahasia Hati. Kugiran Masdo tampil berduet dalam Zayang Zayang, sementara Yusuf Ubay memukau dengan solo piano Abadi dan Getaran Jiwa.

Lagu-lagu popular seperti Laskar Pelangi, Arti Sahabat, dan Bila Aku Jatuh Cinta terus membakar semangat penonton sebelum konsert ditutup dengan Biarlah dan Hapus Aku.

Kejutan K-Pop-Bollywood Konsert Memori Mungkin Berulang Nana-Tomok

Tomok dan Siti Nordiana memeriahkan Konsert Memori Mungkin Berulang di Zepp Kuala Lumpur dengan kejutan lagu Kill This Love (Blackpink) serta dua lagu Bollywood, Kuch Kuch Hota Hai dan Koi Mil Gaya.

Konsert selama dua jam setengah itu menyaksikan mereka membawakan lebih 20 lagu, termasuk Tatasuria, Cinta Hanya Sandaran, Meraung dan Terus Mencintaimu. Mereka juga mempersembahkan duet ikonik seperti Gurauan Berkasih dan Memori Berkasih.

Sebagai penutup, Tomok menghadiahkan patung beruang kepada penonton bertuah sebelum mengakhiri persembahan dengan Paling Comel.





Financial Faiz

@financialfaiz



Simpan Duit Sekarang, Elak Anak Berhutang Untuk Pendidikan

Pendidik kewangan, Faiz Azmi menasihatkan ibu bapa agar mula menabung untuk pendidikan anak-anak bagi mengelakkan mereka terbeban dengan hutang di kemudian hari.

Menurutnya, tabungan awal dapat membantu menampung kos pendidikan tinggi tanpa perlu bergantung kepada pinjaman. Beliau mencadangkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sebagai pilihan terbaik kerana ia menawarkan pulangan dividen yang stabil dan risiko rendah.

"Nak simpan duit, start dari sekarang. Sebab kalau tak simpan duit dari sekarang, anak-anak kena pinjam duit untuk sambung belajar. Dan mereka mungkin akan membuat pinjaman daripada PTPTN," katanya.

Faiz menjelaskan bahawa dengan hanya menabung RM300 sebulan dalam SSPN dan mengambil kira dividen sekitar empat peratus setahun, ibu bapa boleh mengumpul kira-kira RM100,000 dalam tempoh 18 tahun. Jumlah ini mencukupi untuk menampung yuran pengajian dan perbelanjaan anak-anak tanpa mereka perlu berhutang.

"Maknanya, daripada anak-anak membuat pinjaman, lebih baik anda simpan duit dengan simpanan SSPN. Kalau kita buat kira-kira, anda buat simpanan sebanyak RM300 sebulan ditambah dengan dividen empat peratus untuk 18 tahun, anda akan dapat jumlah simpanan lebih kurang RM100,000. Dah cukup sangat untuk anak anda sambung belajar dan duit untuk perbelanjaan mereka. Jadi mereka tidak perlu berhutang lagi," jelasnya.

Faiz turut menekankan bahawa SSPN merupakan simpanan pendidikan yang selamat dan dijamin oleh kerajaan.

"Cuma simpanan SSPN ini fokusnya adalah untuk simpanan pelajaran, jadi risiko dia kenalah rendah. Tak naklah bila anak dah 18 tahun nak pakai duit, tengok-tengok dah tak ada ataupun kurang daripada apa yang anda sudah masukkan," katanya.

"Untuk simpanan SSPN ini, kita tak pernah dengar lagi pulangan 0 peratus atau tiada dividen. Dan duit simpanan ini dijamin oleh kerajaan. Sekiranya terjadi apa-apa kepada PTPTN, duit simpanan SSPN itu akan kekal selamat," tambahnya.

Justeru, Faiz menyeru ibu bapa agar memulakan tabungan SSPN seawal mungkin demi memastikan masa depan pendidikan anak-anak lebih terjamin tanpa beban hutang.



X -

RM2,760,000

ON THE 2ND DAY OF CNY




< >

MONEY GAME\$ Hits RM2.76 Million In Just Two Days

The film MONEY GAME\$ made a strong debut at the Chinese New Year box office, earning RM1.65 million on its opening day and securing the title of Box Office Champion.

Its impressive start attracted strong audience support, keeping the momentum going into the following day.

In just two days, the film's total earnings surpassed RM2.76 million, solidifying its position as one of the top-grossing movies of the festive season.




Malaysia Wins 3rd Place At 2025 Pastry World Cup

Malaysia secured third place at the 2025 Pastry World Cup in Lyon, France. The team, comprising Fong Kah Mun (chocolate), Foo Yi Qing (sugar), and Tyler Tan (ice), delivered an outstanding performance, finishing behind France and Japan.

The competition required teams to create three frozen desserts, 10 plated restaurant-style desserts, 26 chocolate pieces, and three artistic sculptures made from chocolate, sugar, and ice, all within a nine-hour timeframe.

The theme for the final was national heritage, and Malaysia's creations showcased the country's rich cultural diversity.



Star Wars Meets Batik

A talented Malaysian artist has merged traditional batik with the Star Wars universe, creating intricate designs that blend cultural heritage with pop culture. Featuring iconic elements like Darth Vader, Stormtroopers, and lightsabers reimagined through vibrant batik motifs, the artwork showcases both creativity and craftsmanship.

By fusing a global sci-fi phenomenon with Malaysia's artistic legacy, the artist brings fresh appreciation to batik while introducing it to a wider audience.

Read more at www.rojakdaily.com.